

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HMT 326 - Analisis Wacana

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Dengan mengemukakan contoh daripada bahasa Melayu atau bahasa lain, jawab DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A [Wajib Dijawab]

1. Berdasarkan tipologi yang dikemukakan oleh Halliday (1985), bincangkan penanda wacana sebagai peranti yang membentuk kohesi dalam teks.

[40 markah]

2. Huraikan secara ringkas perkara berikut:

[a] wacana dan analisis wacana,

[b] kohesi dan koheren, dan

[c] teks dan ko-teks.

[20 markah]

BAHAGIAN B [Pilih dan jawab DUA [2] soalan]

3. Bincangkan yang berikut sebagai proses yang membantu interpretasi koherensi dalam teks:

[a] pengenalpastian fungsi komunikatif,

[b] penggunaan pengetahuan am sosiobudaya, dan

[c] penentuan inferen.

[20 markah]

4. Bandingkan ciri-ciri perbezaan yang signifikan antara teks bertulis dengan teks lisan sebagai bahan utama dalam analisis wacana.

[20 markah]

5. Huraikan maksud konteks dalam analisis wacana berdasarkan pandangan dua daripada tiga orang ahli bahasa yang berikut:

[a] Firth (1935)

[b] Hymes (1967)

[c] Lewis (1972)

[20 markah]